

Pasukan dari NTU hasilkan buku panduan melabur

SANGGUP bersenggang mata dan menghabiskan masa lapang menulis buku panduan pelaburan bagi pelajar.

Itulah yang dilakukan oleh Encik Terence Lim, dan tiga rakanannya lain, Encik Tay Wei Yang, Encik Keith Lee dan Encik Daemon Aw, secara sukarela.

Pasukan empat orang dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) itu menyumbangkan masa dan tenaga mereka untuk menyiapkan buku panduan dipanggil *Young Investor Pocketbook* atau Buku Panduan Pelabur Muda.

Buku panduan itu dihasilkan dengan kerjasama OCBC Securities.

Idea bagi buku tersebut timbul hasil kerjasama OCBC Securities dengan kelab-kelab pelaburan di ketiga-tiga universiti setempat iaitu NTU, Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

"Bukan mudah mengimbangi tugas universiti dengan tanggungjawab menyiapkan buku panduan tersebut.

"Kami terpaksa menghabiskan banyak masa berbincang, membuat kajian, malah terpaksa bersenggang mata hingga larut malam.

"Kalau di rumah pun kami akan berbincang menerusi Internet atau telefon," cerita Encik Lim, 23 tahun.

Hasil kerja keras mereka, buku tersebut berjaya diterbitkan dalam dua bulan.

"Banyak yang telah kami pelajari, antara lain mengenai pelaburan secara lebih mendalam.

"Buku ini membincangkan asas pelaburan, ia bukanlah buku panduan yang lengkap, sebaliknya ia adalah buku asas, atau buku permulaan bagi mereka yang tertarik dengan dunia pelaburan," ujar Encik Lim.

Antara lain, buku tersebut menyentuh mengenai pasaran saham, Indeks Straits Times (STI), jenis-jenis pelaburan seperti dana amanah dan bon serta bagaimana membuat penilaian asas dan teknikal atau *fundamental analysis* dan *technical analysis*.

"Harapannya ialah melalui buku

panduan ini mereka akan terus membuat kajian dan mendapatkan maklumat lebih mendalam," kata Encik Lim lagi.

Beliau sendiri minat dalam pelaburan dan adalah Presiden Kelab Pelaburan Interaktif (IIC) di NTU.

Encik Lim mula melabur sekitar dua tahun lalu dengan modal sebanyak \$10,000 yang dipinjamkan oleh ibu bapanya.

Kali pertama beliau melabur dalam saham, beliau kehilangan \$2,000.

Namun, pengalaman pahit tersebut mengajarnya untuk menilai pelaburannya dengan lebih baik dan membuat keputusan dengan lebih bijak.

"Dulu saya mudah terpengaruh dengan ketidaktentuan pasaran saham tetapi daripada pengalaman dan hasil kajian untuk menyelesaikan buku ini, saya lebih sedar mengenai pentingnya memilih syarikat yang mempunyai asas yang kukuh, menilai syarikat tersebut dengan teliti sebelum memilih saham, bukan sekadar mendengar kata orang," tambah Encik Lim.



DARI PELAJAR BUAT PELAJAR: Encik Terence Lim, 23 tahun (kiri), dan Encik Tay Wei Yang, 22 tahun, adalah antara empat pelajar NTU yang bekerja keras menghasilkan buku panduan, *Young Investor Pocketbook*.

"Buku ini membincangkan asas pelaburan, ia bukanlah buku panduan yang lengkap, sebaliknya ia adalah buku asas, atau buku permulaan bagi mereka yang tertarik dengan dunia pelaburan... Harapannya ialah melalui buku panduan ini mereka akan terus membuat kajian dan mendapatkan maklumat lebih mendalam."

- Encik Terence Lim.